

25/09/2002

Program 'satu Felda satu produk' diwujudkan

LAHAD DATU, Selasa - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan berhasrat mewujudkan program 'satu kawasan Felda satu produk' sebagai usaha mengurang-kan pergantungan peneroka terhadap harga sawit yang bersifat anjal, sebagai sumber pendapatan mereka.

Dalam masa sama, Timbalan Perdana Menteri, berkata cadangan itu juga dapat memastikan generasi kedua peneroka Felda yang tidak berpeluang membuka tanah rancangan baru, mendapat manfaat dan faedah daripada usaha pembangunan tanah kerajaan itu.

"Nasib peneroka Felda tidak boleh bergantung kepada perubahan harga sawit yang ditentukan di luar negara.

"Perlu ada rancangan-rancangan lain untuk memastikan pendapatan peneroka sentiasa stabil dan tidak terjejas jika harga sawit mengalami kejatuhan di pasaran antarabangsa.

"Kerajaan mencadangkan setiap penempatan Felda mewujudkan pengeluaran produk baru yang menghasilkan pendapatan tinggi dan ada hubung kait dengan tanaman kontan, ternakan, kraftangan atau industri kecil dan sederhana (IKS), sekali gus memastikan setiap rancangan Felda mempunyai identiti tersendiri menerusi produk yang dihasilkan," katanya.

Beliau berucap merasmikan sambutan Hari Peneroka peringkat Wilayah Sabah di Desa Kencana, Felda Sahabat, kira-kira 100 kilometer dari sini hari ini.

Abdullah berkata, cadangan itu mencontohi kejayaan program 'satu kampung satu produk' yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini.

Katanya, peneroka perlu mengambil inisiatif menjayakan cadangan itu demi kepentingan anak mereka yang mungkin tidak lagi berpeluang memperoleh kawasan penanaman kelapa sawit yang baru.

"Peneroka perlu mengambil peluang daripada kejayaan program pembukaan tanah rancangan yang mereka sertai bagi mengadakan program pembangunan baru di kawasan masing-masing kerana Felda sekarang berada dalam zaman pembangunan IKS," katanya.

Katanya, semangat generasi pertama peneroka Felda yang berjaya hasil daripada ketekunan mereka membangunkan kawasan hutan belukar menjadi ladang kelapa sawit yang maju, perlu diterapkan pada generasi kedua.

"Kita perlu ingat generasi kedua Felda sekarang lebih bernasib baik kerana sudah mendapat segala kemudahan berbanding generasi terdahulu," katanya.

Abdullah berkata, Felda yang dilancarkan sejak Malaysia merdeka adalah projek rancangan tanah terbesar dan termaju di dunia sekarang dengan hasil produknya iaitu kelapa sawit, memberi sumbangan besar terhadap eksport negara.

Katanya, program pembangunan Felda bukan saja berjaya membangunkan perladangan sawit secara besar-besaran dan menaikkan taraf hidup golongan miskin, tetapi juga berjaya mewujudkan kawasan bandar baru serta pusat pembangunan ekonomi dan sosial yang baru.